



# MEMPERKUKUHKAN KEYAKINAN

Ringkasan Rancangan Korporat 2019 - 2021



Perbadanan Insurans Deposit Malaysia  
Melindungi Simpanan Dan Insurans Anda Di Malaysia

# ISI KANDUNGAN

1

## MENGENAI PIDM 02

Mandat, Visi, Misi  
Struktur Tadbir Urus

2

## FOKUS STRATEGIK KAMI 05

Keutamaan Strategik, Penyata Objektif  
dan Bahagian Fokus Utama

3

## KEDUDUKAN SEMASA 07

4

## PERBANDINGAN PRESTASI DENGAN RANCANGAN KORPORAT TAHUN SEBELUMNYA 10

Imbasan Kad Skor Korporat 2018  
Sorotan Pencapaian Utama 2018

5

## RANCANGAN KORPORAT 2019 - 2021 16

Andaian Perancangan Utama  
Rancangan 2019 - 2021  
Kad Skor Korporat 2019 - 2021  
Sorotan Rancangan Kewangan 2019  
Unjuran Kewangan 2020 - 2021

6

## PERSEKITARAN OPERASI DAN RISIKO UTAMA 34

7

## MELANGKAH KE HADAPAN 37

Langkah Seterusnya  
Memantau Kemajuan Berbanding Dengan  
Rancangan yang Diluluskan  
Halangan Pencapaian Rancangan Korporat

## Glosari Istilah 38

# MENGENAI PIDM

---

**Mandat, Visi, Misi**  
**Struktur Tadbir Urus**

## MENGENAI PIDM

Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) merupakan badan berkanun yang ditubuhkan pada tahun 2005 di bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 (Akta PIDM).<sup>1</sup>

**VISI**

Memperkuatkan keyakinan dengan menjadi pihak berkuasa perlindungan konsumen kewangan dan resolusi dengan amalan terbaik

**MISI**

Melaksanakan mandat secara efektif, dengan komitmen untuk membawa perubahan kepada komuniti dan kakitangannya

**MANDAT**

- Mentadbir dua sistem perlindungan konsumen kewangan – Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans;
- Menyediakan perlindungan terhadap kehilangan deposit dalam bank ahli; dan kehilangan manfaat takaful atau insurans daripada ahli penginsurans;
- Menyediakan insentif bagi pengurusan risiko wajar dalam sistem kewangan; dan
- Memperkuatkan atau menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan.

**SISTEM INSURANS DEPOSIT**

PIDM melindungi deposit di bank dan akan membayar balik deposit yang diinsuranskan dengan segera kepada pendeposit sekiranya berlaku kegagalan bank ahli.

**SISTEM PERLINDUNGAN MANFAAT TAKAFUL DAN INSURANS**

PIDM melindungi benefisiari terhadap kehilangan manfaat takaful atau insurans yang layak sekiranya berlaku kegagalan ahli penginsurans.

**Perlindungan disediakan oleh PIDM secara automatik – tidak memerlukan permohonan.**

Layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my) bagi senarai bank ahli dan ahli penginsurans PIDM

Kami mentadbir enam kumpulan dana yang berbeza dan berasingan:

- |                                      |                                       |
|--------------------------------------|---------------------------------------|
| • Dana Insurans Deposit Konvensional | • Dana Perlindungan Insurans Hayat    |
| • Dana Insurans Deposit Islam*       | • Dana Perlindungan Takaful Am*       |
| • Dana Perlindungan Insurans Am      | • Dana Perlindungan Takaful Keluarga* |

\*diuruskan berlandaskan prinsip-prinsip Syariah

<sup>1</sup> Dipinda pada tahun 2010 dan 2016.

## STRUKTUR TADBIR URUS

### Lembaga Pengarah

PIDM melapor kepada Parlimen menerusi Menteri Kewangan. Kami ditadbir oleh lembaga pengarah, yang dipilih daripada sektor awam dan swasta. Ahli lembaga bukan *ex officio* kami dilantik oleh Menteri Kewangan.

**Tan Sri Dr. Rahamat Bivi Yusoff**

Pengerusi

**Datuk Nor Shamsiah Mohd Yunus**

Pengarah *Ex Officio*

**Datuk Ahmad Badri Mohd Zahir**

Pengarah *Ex Officio*

**Dato Dr. Nik Ramlah Mahmood**

Pengarah Sektor Awam

**Encik Alex Foong Soo Hah**

Pengarah Sektor Swasta

**Dato' Dr. Gan Wee Beng**

Pengarah Sektor Swasta

**Puan Gloria Goh Ewe Gim**

Pengarah Sektor Swasta



### Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif

Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif PIDM dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif. Jawatankuasa ini merupakan forum perbincangan bagi isu-isu berkaitan dengan pengurusan dan operasi harian PIDM.

**Rafiz Azuan Abdullah**  
Ketua Pegawai Eksekutif

**Lim Yam Poh**  
Ketua Pegawai Operasi dan Kaunsel Am

**Lee Yee Ming**  
Pengurus Besar Kanan, Penilaian Risiko dan Resolusi

**Lim Lee Na**  
Setiausaha Korporat

**Wan Ahmad Ikram Wan Ahmad Lotfi**  
Ketua Pegawai Kewangan dan Pengurus Besar, Kewangan dan Pentadbiran

**Jazimin Izzat Wan Zoolkifli**  
Ketua Audit Dalaman dan Pengurus Besar, Audit dan Perkhidmatan Perundangan

**Zufar Suleiman Abu Bakar**  
Ketua Pegawai Risiko dan Pengurus Besar, Pengurusan Risiko Organisasi

**Afiza Abdullah**  
Pengurus Besar, Polisi dan Antarabangsa

**Chua Ee Leen**  
Pengurus Besar, Perancangan Strategik

**Helena Prema John**  
Pengurus Besar, Sumber Manusia

**Lim Kong Kuan**  
Pengurus Besar, Keahlian dan Pembayaran Balik

**Lim Tai Ching**  
Pengurus Besar, Perundangan

**Yogendra Thavakumar**  
Pengurus Besar, Komunikasi dan Hal Ehwal Awam

**Azirruan Arifin**  
Ketua, Perkhidmatan Guna Sama

# FOKUS STRATEGIK KAMI

---

Keutamaan Strategik, Penyata Objektif  
dan Bahagian Fokus Utama

## FOKUS STRATEGIK KAMI

PIDM menerbitkan Rancangan Korporat tiga tahunnya (Rancangan Korporat) pada setiap tahun. Rancangan Korporat ini menggariskan fokus strategik kami bagi setiap tempoh perancangan tiga tahun (Tempoh Perancangan), objektif korporat dan sasaran prestasi, serta bajet untuk menyokong inisiatif yang ditetapkan. Berikut adalah gambaran hala tuju strategik kami bagi Tempoh Perancangan 2019 - 2021.

<b>KEUTAMAAN STRATEGIK, PENYATA OBJEKTIF DAN BAHAGIAN FOKUS UTAMA</b>	
<b>Keutamaan Strategik dan Penyata Objektif</b>	<b>Bahagian Fokus Utama</b>
<b>Rejim Resolusi Efektif</b>	
1. Mengekalkan kesediaan operasi untuk mengambil tindakan intervensi dan resolusi dengan segera sekiranya berlaku kegagalan institusi ahli	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menjalankan latihan simulasi bagi memastikan kesediaan intervensi dan resolusi kegagalan</li> <li>Menyediakan pilihan pembayaran balik yang lancar bagi pendeposit</li> </ul>
2. Perancangan resolusi bagi institusi ahli	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menyempurnakan latihan perintis perancangan resolusi dan mengeluarkan garis panduan yang dimuktamadkan</li> <li>Mendidik pemegang kepentingan mengenai perancangan resolusi</li> <li>Mengkaji semula metodologi dana sasaran</li> </ul>
<b>Penglibatan Pemegang Kepentingan</b>	
3. Terus mengukuhkan hubungan dengan pemegang kepentingan utama	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memperkuatkan kepercayaan dan keyakinan pihak awam terhadap PIDM</li> <li>Penglibatan dengan institusi ahli dan persatuan industri</li> <li>Penglibatan dengan peserta jaringan keselamatan kewangan dan rakan kongsi strategik lain</li> </ul>
<b>Pengurusan Modal Insan</b>	
4. Mengurus dengan efektif dan memaksimumkan penggunaan modal insan PIDM	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menjalankan kajian semula tenaga kerja</li> <li>Meneruskan pembangunan keupayaan kepimpinan dan teknikal bagi mengukuhkan lapisan tenaga kerja</li> <li>Menerapkan budaya pembelajaran bagi kemampanan jangka panjang</li> </ul>
<b>Tadbir Urus dan Pengurusan</b>	<b>Bahagian Fokus Utama</b>
<b>Kecemerlangan Operasi</b>	
5. Meneruskan pelaksanaan kecemerlangan operasi dan mengguna pakai amalan terbaik dalam tadbir urus	<ul style="list-style-type: none"> <li>Melaksanakan pengurusan kewangan yang berhemat bagi memastikan akauntabiliti</li> <li>Mengoptimumkan penggunaan teknologi bagi mempertingkatkan penyepaduan data dan pengurusan maklumat</li> <li>Meminimumkan potensi risiko tidak mematuhi keperluan Syariah</li> </ul>

# KEDUDUKAN SEMASA

---




## KEDUDUKAN SEMASA

Kini, dana PIDM telah mencecah paras di mana kami telah mencapai tahap biaya diri operasi. Pendapatan pelaburan kami dijangka menjana hasil yang mencukupi untuk menampung semua kos operasi kami. Ini bermakna semua premium dan levi yang diterima daripada institusi ahli akan ditujukan ke arah pengumpulan Kumpulan Dana Perlindungan PIDM dan tidak menampung kos operasi kami.



Dalam tempoh beberapa tahun kebelakangan ini, Kumpulan Dana Perlindungan berkembang kukuh pada kira-kira RM0.5 bilion setiap tahun. Seterusnya, kami menjangka tahap pertumbuhan kumpulan dana kami akan terus meningkat sejajar dengan pendapatan pelaburan yang terus berkembang selepas mengambil kira tahap perbelanjaan operasi.

### Pertumbuhan Kumpulan Dana Perlindungan





### Prinsip Teras IADI bagi Sistem Insurans Deposit Efektif

PIDM dipandu oleh "Prinsip Teras bagi Sistem Insurans Deposit Efektif" (*Core Principles for Effective Deposit Insurance System*) yang diterbitkan oleh Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa (*International Association of Deposit Insurers - IADI*), yang merupakan amalan terbaik antarabangsa bagi sistem insurans deposit. Pada tahun 2013, PIDM telah dinilai menerusi Program Penilaian Sektor Kewangan (*Financial Sector Assessment Programme - FSAP*) oleh Bank Dunia (*World Bank*) dan Tabung Kewangan Antarabangsa (*International Monetary Fund*). Hasil penilaian tersebut mendapati PIDM secara menyeluruhnya mematuhi Prinsip Teras IADI bagi Sistem Insurans Deposit Efektif. Hampir semua elemen utama berikut telah dilaksanakan di PIDM:

MATLAMAT BERKANUN	ELEMEN-ELEMEN UTAMA PRINSIP TERAS IADI
<p>Mentadbir sistemnya</p> 	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Reka bentuk polisi bagi Sistem Insurans Deposit dan perundangan PIDM telah dinilai semasa FSAP dan didapati mematuhi prinsip teras IADI.</li> <li>• PIDM beroperasi secara bebas dan mempunyai tadbir urus korporat yang mantap.                         <ul style="list-style-type: none"> <li>– Menerima tiga "Sijil Merit" dan lima anugerah "Laporan Tahunan Terbaik Organisasi Bukan Senaraian Awam" bagi Laporan Tahunannya daripada Anugerah Laporan Korporat Tahunan Kebangsaan (<i>National Annual Corporate Report Awards - NACRA</i>).</li> <li>– Menerima penilaian "cemerlang" bagi Audit Indeks Akauntabiliti 2016 yang dikendalikan oleh Jabatan Audit Negara.</li> </ul> </li> </ul>
<p>Melindungi pendeposit terhadap kehilangan deposit yang diinsuranskan</p> <p>Melindungi pemilik sijil takaful dan polisi insurans terhadap kehilangan manfaat takaful atau insurans yang layak</p> 	<p>Sebagai kesediaan untuk sebarang aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan institusi ahli, PIDM telah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• membentuk sistem penilaian risiko yang kukuh untuk membantu memantau institusi ahli;</li> <li>• membentuk rangka kerja intervensi dan resolusi kegagalan termasuk polisi dan prosedur utama bagi semua pilihan intervensi dan resolusi kegagalan;</li> <li>• membentuk sebahagian besar sistem utama intervensi dan resolusi kegagalan termasuk sistem pembayaran balik bagi pembayaran balik deposit yang diinsuranskan untuk pendeposit bank ahli;</li> <li>• menjalankan simulasi untuk menguji kesediaan kakitangan, proses dan infrastruktur; dan</li> <li>• mengkaji semula dan mengemas kini perundangan PIDM sebanyak dua kali, khususnya, untuk memastikan PIDM mempunyai kuasa yang diperlukan untuk melaksanakan mandatnya dengan efektif.</li> </ul>

## KEDUDUKAN SEMASA

MATLAMAT BERKANUN	ELEMEN-ELEMEN UTAMA PRINSIP TERAS IADI
Menggalakkan pengurusan risiko wajar 	PIDM: <ul style="list-style-type: none"> <li>• telah membentuk sistem premium dan levi berbeza; dan</li> <li>• menggalakkan pengukuhan tadbir urus korporat dalam kalangan institusi kewangan dan menyediakan sokongan kepada FIDE FORUM.</li> </ul>
Memperkukuhkan atau menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan 	PIDM telah mencapai indeks kesedaran awam sebanyak 63% pada tahun 2018 berbanding 4% pada tahun 2006 semasa penubuhannya.

### Ciri-Ciri Utama Lembaga Kestabilan Kewangan (*Financial Stability Board – FSB*) bagi Rejim Resolusi Efektif

Berikutan krisis kewangan global, Lembaga Kestabilan Kewangan (*Financial Stability Board – FSB*) telah menerbitkan “Ciri-Ciri Utama bagi Rejim Resolusi Efektif”<sup>2</sup> (*Key Attributes for an Effective Resolution Regime*) (Ciri-Ciri Utama). Menyedari akan kerumitan isu-isu semasa krisis sistemik, Ciri-Ciri Utama telah menggariskan 12 elemen teras yang dianggap perlu oleh FSB bagi mencapai rejim resolusi yang efektif. Ciri-Ciri Utama menyatakan bahawa pelaksanaan elemen teras ini “... akan membolehkan pihak berkuasa menangani institusi kewangan secara teratur tanpa mendedahkan pembayar cukai kepada kerugian daripada sokongan kesolvenan, di samping mengekalkan kesinambungan fungsi-fungsi ekonomi penting.”

Walapun rejim resolusi Malaysia memenuhi beberapa elemen teras dalam Ciri-Ciri Utama, bahagian-bahagian lain masih perlu dipertingkatkan lagi. Antaranya adalah keperluan untuk memastikan institusi kewangan mempunyai rancangan pemulihan dan resolusi. Rancangan pemulihan adalah perlu bagi mengenal pasti pilihan untuk memulihkan keupayaan dan daya maju kewangan apabila sesebuah institusi mengalami tekanan, manakala rancangan resolusi adalah untuk memudahkan penggunaan kuasa resolusi yang efektif bagi melindungi fungsi ekonomi yang kritikal yang dilaksanakan oleh institusi kewangan untuk ekonomi atau sistem kewangan. Rancangan resolusi bertujuan untuk membolehkan resolusi mana-mana institusi kewangan dapat dilaksanakan tanpa sebarang gangguan ketara kepada ekonomi atau sistem kewangan.

Sejak tahun 2016, PIDM dan Bank Negara Malaysia telah bekerjasama membangunkan rangka kerja perancangan pemulihan dan resolusi (*recovery and resolution planning – RRP*) bagi Malaysia. PIDM juga sedang membangunkan garis panduan bagi institusi ahli berkaitan dengan perancangan resolusi. Aspek-aspek lain yang dicadangkan dalam Ciri-Ciri Utama – khususnya bagi persekitaran Malaysia – juga perlu diusahakan bagi memastikan Malaysia dapat mencapai tahap rejim resolusi yang efektif.

<sup>2</sup> Oktober 2011.

# PERBANDINGAN PRESTASI DENGAN RANCANGAN KORPORAT TAHUN SEBELUMNYA

---

Imbasan Kad Skor Korporat 2018

Sorotan Pencapaian Utama 2018

## PERBANDINGAN PRESTASI DENGAN RANCANGAN KORPORAT TAHUN SEBELUMNYA

### IMBASAN KAD SKOR KORPORAT 2018

Bagi tahun 2018, PIDM telah menyempurnakan semua inisiatif yang dirancang dalam lingkungan rancangan kewangan yang diluluskan. Ketiga-tiga sasaran kesedaran awam tersasar sedikit dan dijelaskan di halaman 11. Manakala 11 inisiatif yang melebihi satu tahun sedang dilaksanakan seperti yang dijadualkan. Keputusan unjuran pencapaian PIDM diringkaskan di bawah.

Pencapaian sebenar akan dilaporkan dalam Laporan Tahunan 2018 PIDM yang akan datang.

<span style="background-color: #0056b3; color: white; padding: 2px;">A</span> Sasaran dicapai, inisiatif disempurnakan		<span style="background-color: #008000; color: white; padding: 2px;">P</span> Berjalan lancar seperti yang dijadualkan; dan / atau dalam lingkungan bajet		<span style="background-color: #ffff00; color: black; padding: 2px;">F</span> Belum bermula / tarikh akan datang		<span style="background-color: #ff0000; color: white; padding: 2px;">N</span> Sasaran tidak tercapai, kegelinciran – masa penyelesaian; dan / atau di bawah sasaran	
Objektif Korporat	No.	Inisiatif Korporat	Sasaran 2018	Keputusan Unjuran Dis 2018			
<b>Rejim Resolusi Efektif</b>							
<b>Keupayaan penilaian, pemantauan risiko, intervensi dan resolusi yang kukuh</b>	1.	Rejim Resolusi Efektif					
	a.	Perancangan resolusi bagi institusi kewangan:					
	i.	Latihan perintis	Dilaksanakan	<span style="background-color: #008000; color: white; padding: 2px;">P<sup>1</sup></span>			
	ii.	Rangka kerja dan metodologi	Dikaji semula	<span style="background-color: #008000; color: white; padding: 2px;">P<sup>2</sup></span>			
	iii.	Pelancaran kepada industri	–	<span style="background-color: #ffff00; color: black; padding: 2px;">F<sup>3</sup></span>			
	iv.	Rangka kerja dan metodologi penarafan kebolehsesediaan	Penyelidikan	<span style="background-color: #008000; color: white; padding: 2px;">P<sup>4</sup></span>			
	b.	Akta PIDM (merangka draf berkaitan perancangan resolusi)	Dibangunkan	<span style="background-color: #008000; color: white; padding: 2px;">P<sup>5</sup></span>			
	c.	Simulasi antara agensi	Dibangunkan	<span style="background-color: #0056b3; color: white; padding: 2px;">A</span>			
	d.	Sistem, polisi dan prosedur pengurusan tuntutan bagi ahli penginsurans:					
	i.	Sistem Pengurusan Sokongan Pemilik Polisi	Penyelidikan	<span style="background-color: #0056b3; color: white; padding: 2px;">A</span>			
	ii.	Sistem Pengurusan Pembayaran	Disempurnakan	<span style="background-color: #0056b3; color: white; padding: 2px;">A</span>			
	e.	Peraturan-peraturan manfaat dilindungi bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	Dibangunkan	<span style="background-color: #008000; color: white; padding: 2px;">P<sup>6</sup></span>			
	f.	Perintah manfaat dilindungi bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	Dibangunkan	<span style="background-color: #008000; color: white; padding: 2px;">P<sup>6</sup></span>			
	g.	Peraturan-peraturan maklumat Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	Dibangunkan	<span style="background-color: #008000; color: white; padding: 2px;">P<sup>7</sup></span>			
	h.	Pembiayaan:					
i.	Rancangan pembiayaan alternatif	Disempurnakan	<span style="background-color: #008000; color: white; padding: 2px;">P<sup>8</sup></span>				
ii.	Dana sasaran – kumpulan dana takaful	Dilaksanakan	<span style="background-color: #0056b3; color: white; padding: 2px;">A</span>				
<b>Tadbir Urus Korporat</b>							
<b>Organisasi yang ditadbir dan diurus dengan baik</b>	2.	a. Amalan terbaik tadbir urus diguna pakai dan dikekalkan	Pematuhan	<span style="background-color: #0056b3; color: white; padding: 2px;">A</span>			
	b.	Perundangan serta polisi dan amalan korporat utama dipatuhi serta kekal terkini dan relevan	Pematuhan penuh dan dikemas kini	<span style="background-color: #0056b3; color: white; padding: 2px;">A</span>			
	c.	Kualiti sokongan pengurusan kepada Lembaga Pengarah	Kepuasan tinggi	<span style="background-color: #0056b3; color: white; padding: 2px;">A</span>			
	3.	Pelaporan menerusi:					
	a.	Laporan Tahunan	Disempurnakan	<span style="background-color: #0056b3; color: white; padding: 2px;">A</span>			
	b.	Rancangan Korporat	Disempurnakan	<span style="background-color: #0056b3; color: white; padding: 2px;">A</span>			
	4.	Pematuhan kawalan dalaman dan pengurusan risiko	Kukuh	<span style="background-color: #0056b3; color: white; padding: 2px;">A</span>			

## PERBANDINGAN PRESTASI DENGAN RANCANGAN KORPORAT TAHUN SEBELUMNYA

Objektif Korporat	No.	Inisiatif Korporat	Sasaran 2018	Keputusan Unjuran Dis 2018
<b>Tadbir Urus Korporat</b>				
<b>Amalan urusan dan kewangan yang mantap</b>	5.	Prestasi kewangan berbanding bajet yang diluluskan	±10% perbezaan	<b>A<sup>9</sup></b>
	6.	Portal industri dalam talian (platform dalam talian bagi mengurus penyerahan format fail standard oleh bank ahli, serta penyerahan maklumat berkaitan premium dan levi. Berfungsi sebagai platform komunikasi masa nyata bagi institusi ahli dan digunakan sebagai laman mikro bagi tujuan pembayaran)	Dibangunkan	<b>P<sup>10</sup></b>
<b>Pengurusan Pemegang Kepentingan</b>				
<b>Pemegang kepentingan yang terdidik dan bermaklumat</b>	7.	Indeks kesedaran awam:		
	a.	Kesedaran umum mengenai PIDM	65%	63% <b>N<sup>11</sup></b>
	b.	Kesedaran umum mengenai Sistem Insurans Deposit	57%	53% <b>N<sup>11</sup></b>
	c.	Kesedaran umum mengenai Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	41%	37% <b>N<sup>11</sup></b>
	8.	Program pendidikan kewangan	Dibangunkan dan dilaksanakan	<b>P<sup>12</sup></b>
<b>Penglibatan efektif</b>	9.	Hubungan PIDM dengan pemegang kepentingan utama	Kukuh	<b>A</b>
	10.	FIDE FORUM, alumni Program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan	Disokong	<b>A</b>
	11.	Forum tempatan dan antarabangsa	Penyertaan	<b>A</b>
<b>Pengurusan Modal Insan Strategik</b>				
<b>Tenaga kerja yang cekap dan berpengetahuan</b>	12.	Pelan modal insan strategik:		
	a.	Model kecekapan	Dilaksanakan	<b>P<sup>13</sup></b>
	b.	Strategi penglibatan	Dibangunkan	<b>A</b>
	c.	Organisasi pembelajaran	Dilaksanakan	<b>A</b>
<b>Persekitaran korporat yang kondusif</b>	13.	Indeks Tahap Keterlibatan Berterusan	–	<b>F<sup>14</sup></b>

<sup>1</sup> Latihan perintis perancangan pemulihan telah disempurnakan. Draf garis panduan perancangan resolusi sedang dimuktamadkan, dan akan dikeluarkan bagi latihan perintis perancangan resolusi pada tahun 2019.

<sup>2</sup> Kajian semula rangka kerja dan garis panduan perancangan resolusi berjalan lancar dan akan diteruskan pada tahun 2019.

<sup>3</sup> Pelaksanaan secara berfasa bagi industri akan bermula pada tahun 2020 sejajar dengan Rancangan Korporat 2018 – 2020.

<sup>4</sup> Penyelidikan pembangunan rangka kerja penarafan kebolehsediaan berjalan lancar. Kami menyasar untuk merumuskan cadangan pendekatan bagi rangka kerja tersebut pada akhir tahun 2019.

<sup>5</sup> Draf pindaan kepada Akta PIDM akan dimuktamadkan selepas perundingan dengan pemegang kepentingan utama.

<sup>6</sup> Cadangan pindaan kepada peraturan dan perintah bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans akan dirujuk bersama industri.

<sup>7</sup> Peraturan-peraturan akan dimuktamadkan bersama dengan peraturan-peraturan dan perintah manfaat yang dilindungi bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful Dan Insurans.

<sup>8</sup> Perbincangan berkaitan dengan salah satu pengaturan bagi pembiayaan alternatif akan diteruskan pada tahun 2019.

<sup>9</sup> Kami menyasar untuk mencapai perbezaan positif bagi kedua-dua perbelanjaan operasi dan modal dengan lebih bersih dalam lingkungan 10% perbezaan.

<sup>10</sup> Pembangunan portal industri dalam talian berjalan lancar seperti yang dijadualkan dan akan diteruskan pada tahun 2019.

<sup>11</sup> Keputusan daripada kaji selidik beberapa tahun kebelakangan ini menunjukkan indeks-indeks ini berkemungkinan besar akan mencapai tahap mendatar. Ini turut disumbang oleh ketiadaan intervensi dan resolusi kegagalan institusi ahli yang bermasalah.

<sup>12</sup> Inisiatif kerjasama ini oleh ahli-ahli Jaringan Pendidikan Kewangan<sup>3</sup> berjalan lancar dan akan diteruskan dalam Tempoh Perancangan akan datang.

<sup>13</sup> Kajian semula kecekapan unik dan tingkah laku yang dipertingkatkan bagi kakitangan sedang berjalan lancar.

<sup>14</sup> Tinjauan Kepuasan Kerja Kakitangan yang seterusnya akan dijalankan pada tahun 2019 sejajar dengan Rancangan Korporat 2018 – 2020.

<sup>3</sup> Jaringan Pendidikan Kewangan adalah platform antara agensi untuk membangunkan dan memacu strategi pendidikan kewangan pada peringkat kebangsaan bagi meningkatkan pendidikan dan celik kewangan bagi setiap tahap kehidupan rakyat Malaysia.

## PERBANDINGAN PRESTASI DENGAN RANCANGAN KORPORAT TAHUN SEBELUMNYA

### SOROTAN PENCAPAIAN UTAMA 2018

Bagi tahun kewangan 2018, kami mencapai kemajuan yang ketara berhubung dengan Rancangan Korporat PIDM 2018 - 2020.



#### KEUTAMAAN STRATEGIK: REJIM RESOLUSI EFEKTIF

##### PERANCANGAN RESOLUSI

- Mempertingkatkan garis panduan perancangan resolusi dan keperluan maklumat bagi latihan perintis yang akan dijalankan pada tahun 2019.
- Menyempurnakan dua program penyerapan (*immersion programmes*)<sup>4</sup> perancangan resolusi.

##### KESEDIAAN OPERASI

###### SIMULASI

- Menyempurnakan simulasi mini komunikasi krisis yang bertemakan keselamatan siber. Penilaian prestasi dan kesediaan semasa simulasi membuktikan PIDM mempunyai proses kesediaan yang jelas untuk menangani krisis dan berkomunikasi dengan cekap.
- Menyempurnakan latihan simulasi kesediaan operasi<sup>5</sup> yang melibatkan pengujian keberkesanan dan kecekapan polisi dan prosedur pada pencetus intervensi awal, latihan usaha wajar dan penilaian bagi perniagaan insurans.

###### SISTEM TEKNOLOGI MAKLUMAT

- Menyempurnakan pembangunan Sistem Pengurusan Pembayaran bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans bagi tujuan pembayaran kepada pemilik sijil takaful dan polisi insurans sekiranya berlaku peristiwa pembayaran balik.



#### KEUTAMAAN STRATEGIK: PELAN MODAL INSAN STRATEGIK

##### STRATEGI PENGLIBATAN

- Melaksanakan model kerjaya untuk mengintegrasikan peranan dan fungsi bagi bahagian yang dikenal pasti dengan objektif untuk membina keupayaan kakitangan, menyediakan peluang bagi pembangunan dan mengekalkan bakat teknikal.

##### ORGANISASI PEMBELAJARAN

- Menyempurnakan Rangka Kerja Pengurusan Pengetahuan, termasuk modul teras kurikulum PIDM, yang telah dibangunkan pada tahun 2017, untuk pelaksanaan pada tahun 2019. Rangka kerja ini memandu pemerolehan, penerapan dan pemindahan pengetahuan yang efektif di kalangan kakitangan PIDM.

<sup>4</sup> Program penyerapan (*immersion programmes*) dijalankan dari pertengahan tahun 2017 hingga suku pertama tahun 2018. Ini melibatkan lintas semak simulasi proses dan langkah-langkah dalam rangka kerja perancangan resolusi, serta rangka kerja kajian semula dan penilaian kebolehsesediaan, dengan objektif menguji kebolehgunaan dan kekukuhan rangka kerja tersebut.

<sup>5</sup> Latihan ini bertujuan menguji, antara lain, penerapan rangka kerja intervensi dan resolusi kegagalan dan kesediaan untuk menangani resolusi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.

## PERBANDINGAN PRESTASI DENGAN RANCANGAN KORPORAT TAHUN SEBELUMNYA



### KEUTAMAAN STRATEGIK: PENGURUSAN PEMEGANG KEPENTINGAN DAN TADBIR URUS KOPORAT

#### KESEDARAN AWAM

- Melancarkan kempen pengiklanan yang baharu, "Ingat PIDM, Ingat Perlindungan" pada bulan September 2018.
- Mengadakan 22 sesi taklimat dan pameran untuk orang awam serta 53 sesi taklimat untuk kakitangan dan ejen institusi ahli, sebagai sebahagian daripada usaha kami untuk meningkatkan kesedaran tentang PIDM, Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.
- Mengadakan program jangkauan komuniti di Kuala Lumpur Sentral dan di 39 lokasi di negeri Kedah, Pulau Pinang dan Perak, dengan kerjasama Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) dan Ombudsman Perkhidmatan Kewangan untuk mendidik dan membawa kesedaran kewangan kepada 10,800 anggota masyarakat.
- Penglibatan dengan media menerusi pelbagai aktiviti termasuk mengeluarkan lima kenyataan media dan mengadakan lima sesi temu bual untuk menyebarkan maklumat kepada orang ramai serta mempertingkatkan kesedaran mengenai PIDM.

#### PENGLIBATAN PEMEGANG KEPENTINGAN

- Mempertingkatkan hubungan PIDM di peringkat pegawai kanan dalam kalangan pemegang kepentingan dan rakan kongsi strategik PIDM, termasuk peserta jaringan keselamatan kewangan lain, pengawal selia, institusi ahli, persatuan industri, badan latihan, rakan kongsi strategik, pihak berkuasa asing dan pemegang kepentingan yang lain.
- Mengadakan lima pembentangan perancangan resolusi kepada 107 ahli lembaga pengarah dan 17 ketua pegawai eksekutif institusi kewangan, sebagai sebahagian daripada Program Teras Program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan (*Financial Institutions Directors' Education (FIDE) Core Programme*).
- Bekerjasama dengan alumni FIDE FORUM dan mengendalikan Dialog Ketua Pegawai Eksekutif PIDM dengan 37 ahli lembaga pengarah daripada pelbagai institusi ahli. Platform ini bertujuan meningkatkan pemahaman para pengarah terhadap peranan dan operasi PIDM serta mempertingkatkan pemahaman tentang keperluan kawal selia PIDM dalam bidang khusus, antara lainnya seperti Sistem Premium Berbeza, Sistem Levi Berbeza dan Sistem Levi Berbeza bagi pengendali takaful serta rangka kerja berkaitan perancangan resolusi.
- Mengadakan dialog bersama pihak industri mengenai Sistem Levi Berbeza bagi ahli lembaga pengarah syarikat insurans hayat.
- Mengambil bahagian dalam *Crisis Management Group (CMG)*<sup>6</sup> mengenai perancangan pemulihan dan resolusi.

<sup>6</sup> CMG merupakan forum bagi pihak berkuasa hos dan hos utama dari semua Institusi Kewangan Global Sistem Penting (*Global Systemically Important Financial Institutions – G-SIFIs*) untuk mempertingkatkan kesediaan, dan memudahkan pengurusan dan penyelesaian krisis kewangan rentas sempadan.

# **RANCANGAN KORPORAT 2019 - 2021**

---

**Andaian Perancangan Utama**

**Rancangan 2019 - 2021**

**Kad Skor Korporat 2019 - 2021**

**Sorotan Rancangan Kewangan 2019**

**Unjuran Kewangan 2020 - 2021**



## RANCANGAN KORPORAT 2019 - 2021

Bagi Tempoh Perancangan 2019 - 2021, PIDM akan terus berusaha ke arah mencapai rejim resolusi efektif bagi Malaysia dengan menumpukan usaha kami kepada tiga keutamaan strategik – “Rejim Resolusi Efektif”, “Penglibatan Pemegang Kepentingan” dan “Pengurusan Modal Insan”.

Rejim resolusi efektif akan membolehkan isu-isu yang dihadapi oleh institusi ahli diselesaikan secara teratur, tanpa gangguan sistemik dan dengan sasaran untuk mengukuhkan kestabilan sistem kewangan. Secara asasnya, perancangan resolusi bagi setiap institusi ahli akan membolehkan PIDM mengukuhkan kesediaannya untuk menyelesaikan institusi ahli.

### ANDAIAN PERANCANGAN UTAMA

Berikut adalah andaian perancangan utama bagi Tempoh Perancangan:

- Persekitaran ekonomi domestik dan sistem kewangan akan kekal berdaya tahan;
- Mandat PIDM akan kekal terkini dan relevan;
- PIDM tidak menjangka sebarang intervensi dan resolusi kegagalan semasa Tempoh Perancangan; dan
- PIDM akan terus bergantung kepada pasukan kakitangan yang mahir, disokong oleh penyedia perkhidmatan utama dan rakan kongsi strategik.

### RANCANGAN 2019 - 2021

Tiada sebarang perubahan dibuat kepada keutamaan strategik jangka panjang PIDM. Kemungkinan cabaran dan keadaan tidak menentu jangka pendek bermakna kami perlu meneruskan kerja kami bagi memastikan kesediaan untuk menangani tindakan intervensi dan resolusi kegagalan secara efektif, seperti yang dibincangkan dalam Penyata Objektif 1, di bawah.

Bagi Tempoh Perancangan, PIDM akan berusaha untuk mencapai lima objektif berikut:

Keutamaan Strategik	Penyata Objektif
<b>Rejim Resolusi Efektif</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mengekalkan kesediaan operasi untuk mengambil tindakan segera intervensi dan resolusi sekiranya berlaku kegagalan institusi ahli</li> <li>2. Perancangan resolusi bagi institusi ahli</li> </ol>
<b>Penglibatan Pemegang Kepentingan</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>3. Terus mengukuhkan hubungan dengan pemegang kepentingan utama</li> </ol>
<b>Pengurusan Modal Insan</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>4. Mengurus dengan efektif dan memaksimumkan penggunaan modal insan PIDM</li> </ol>
Tadbir Urus dan Pengurusan	Penyata Objektif
<b>Kecemerlangan Operasi</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>5. Terus melaksanakan kecemerlangan operasi dan mengguna pakai amalan terbaik dalam tadbir urus</li> </ol>

## RANCANGAN KORPORAT 2019 - 2021

Butiran inisiatif-inisiatif utama bagi Tempoh Perancangan adalah seperti berikut.

### KEUTAMAAN STRATEGIK: REJIM RESOLUSI EFEKTIF

#### Penyata Objektif 1: Mengekalkan kesediaan operasi untuk mengambil tindakan segera intervensi dan resolusi sekiranya berlaku kegagalan institusi ahli

Bahagian fokus bagi Tempoh Perancangan:

- Menjalankan latihan simulasi bagi memastikan kesediaan intervensi dan resolusi kegagalan
- Menyediakan pilihan pembayaran balik yang lancar bagi pendeposit

#### Kesediaan operasi

*Kami terus memberi tumpuan bagi mencapai tahap kesediaan operasi yang tinggi (dalam semua aspek proses, sistem dan kakitangan kami), bagi memastikan pelaksanaan langkah intervensi dan resolusi kegagalan yang efektif termasuk melaksanakan pembayaran balik yang cekap bagi pendeposit institusi ahli yang bermasalah. Kami menyedari bahawa kami perlu sentiasa bersedia untuk menjalankan intervensi dan menyelesaikan institusi ahli sekiranya berlaku kegagalan, apabila perlu. Bagi tujuan ini, PIDM perlu memastikan kesediaan untuk memenuhi mandatnya dalam rangka kerja yang sedia ada.*

*Mengekalkan kesediaan bermakna kami perlu sentiasa menguji aspek yang berbeza dalam proses dan sistem kami bagi memastikan ia kekal relevan dan terkini. Ini juga bermakna kami perlu menjalankan latihan yang berterusan dan melatih tubi kakitangan PIDM, termasuk menerusi latihan simulasi.*

### Latihan simulasi intervensi dan resolusi kegagalan

Kami menyedari bahawa adalah penting bagi kami untuk menyenggara dan menguji sistem, polisi dan prosedur secara konsisten, serta mempraktikkan senario potensi bagi memastikan kesediaan kami. Dengan itu, kami sentiasa menilai dan mengemas kini sistem, polisi dan prosedur kami serta protokol komunikasi dan penyelarasan, bagi melaksanakan intervensi dan resolusi kegagalan dalam senario yang berbeza. Setakat ini, PIDM telah menjalankan pelbagai latihan simulasi, yang bertumpu kepada fasa khusus dalam kitaran hayat intervensi dan resolusi kegagalan, serta menguji pilihan resolusi yang berbeza.

Semasa Tempoh Perancangan, latihan simulasi akan dijalankan yang berfokus kepada pengujian kesediaan resolusi PIDM dalam aspek khusus bagi intervensi dan resolusi kegagalan. Ini akan merangkumi:

- Bank ahli.** Bagi bank, bahagian simulasi akan termasuk penilaian portfolio pinjaman atau pembiayaan serta melaksanakan pemindahan aset dan liabiliti.
- Ahli penginsurans.** Bahagian simulasi bagi syarikat insurans akan bertumpu kepada pelaksanaan pemindahan perniagaan dan peruntukan polisi tuntutan.

**Antara agensi.** Walaupun setakat ini sebahagian besar latihan simulasi adalah latihan dalaman dan bertumpu kepada kesediaan dalaman PIDM, kami menyedari bahawa latihan simulasi antara agensi adalah kritikal buat masa hadapan. Ini pada dasarnya akan memberikan pemahaman yang jelas kepada peserta jaringan keselamatan, akan peranan dan tanggungjawab masing-masing serta langkah-langkah komunikasi dan penyelarasan efektif yang diperlukan semasa aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan bagi institusi ahli.

## RANCANGAN KORPORAT 2019 - 2021

### Pembayaran balik yang lancar bagi deposit yang diinsuranskan

#### *Pembayaran balik deposit yang diinsuranskan*

Sejak penubuhannya, PIDM telah berusaha membangunkan elemen-elemen penting bagi sistem pembayaran balik dengan menggunakan pelbagai saluran pembayaran – cek, pengeluaran tunai melalui bank ejen dan pemindahan elektronik. Dengan berbuat demikian, kami telah membangunkan kepakaran, proses dan sistem serta mengeluarkan garis panduan yang diperlukan, untuk memastikan kami berupaya melakukan pembayaran balik dengan segera dan tepat kepada pendeposit yang diinsuranskan. Kami kerap menjalankan simulasi serta latihan untuk memastikan kesediaan dan keberkesanan proses pembayaran balik. Sejak tahun 2016, kami telah menguji dan menilai keupayaan untuk melaksanakan pembayaran balik dalam masa tiga hari bagi bank ahli yang bersaiz sederhana. Dalam usaha untuk terus mempertingkatkan keupayaan kami, kami akan bekerja ke arah pembayaran balik yang lancar dengan memanfaatkan mekanisme pembayaran elektronik.

Kami berhasrat untuk mengatur pilihan pembayaran balik yang lancar bagi pendeposit sekiranya berlaku kegagalan bank ahli. Ini bermakna pembayaran balik boleh dibuat dengan cara yang memerlukan penglibatan aktif yang minimum daripada pihak pendeposit. Pilihan ini akan menggunakan mekanisme pembayaran elektronik selain dari saluran pembayaran yang sedia ada. Dalam membangunkan infrastruktur pembayaran balik yang lancar, kami menjalin kerjasama dengan pihak-pihak yang terlibat dalam bidang pembayaran elektronik serta pengenalan dan pengesahan digital.

#### **Penyata Objektif 2: Perancangan resolusi bagi institusi ahli**

Bahagian fokus bagi Tempoh Perancangan:

- Menyempurnakan latihan perintis perancangan resolusi dan mengeluarkan garis panduan yang dimuktamadkan
- Mendidik pemegang kepentingan mengenai perancangan resolusi
- Mengkaji semula metodologi dana sasaran

#### *Perancangan resolusi bagi institusi ahli*

Dalam persekitaran krisis, pihak berkuasa perlu menangani pelbagai isu kompleks dan mencabar dalam tempoh waktu yang singkat. Melaksanakan perancangan resolusi untuk menangani halangan kepada resolusi yang teratur, semasa operasi berjalan seperti biasa akan membantu PIDM membuat keputusan dengan segera dan pelaksanaan tindakan resolusi efektif semasa krisis. Lebih penting lagi, perancangan resolusi akan memastikan kesinambungan fungsi-fungsi yang dilaksanakan oleh institusi ahli yang dianggap kritikal kepada ekonomi. Ini seterusnya akan membantu mengekalkan keyakinan orang awam dan memperkukuhkan kestabilan sistem kewangan.

Perancangan resolusi adalah sebahagian daripada polisi rangka kerja perancangan pemulihan dan resolusi yang dibentuk bersama oleh Bank Negara Malaysia dan PIDM pada tahun 2016. Bank Negara Malaysia menerajui proses perancangan pemulihan, yang bertujuan untuk mengenal pasti pilihan berwibawa bagi institusi kewangan untuk memulihkan kekuatan dan daya maju kewangan mereka dengan pelbagai senario tekanan melampau tetapi boleh diterima.

Bagi PIDM, kami akan berusaha untuk membangunkan rancangan resolusi dengan maklumat yang dikumpulkan daripada institusi ahli, termasuk maklumat khusus bagi resolusi, susulan daripada interaksi dengan kakitangan institusi ahli.

## RANCANGAN KORPORAT 2019 - 2021

### Latihan perintis perancangan resolusi

Sebelum kami mula melaksanakan keperluan perancangan resolusi, kami akan terlebih dahulu menguji rangka kerja dan garis panduan perancangan resolusi kami melalui latihan perintis. Latihan perintis perancangan resolusi ini termasuk mengenal pasti dan menangani cabaran serta membangunkan strategi resolusi pilihan bagi menyelesaikan kegagalan sesebuah bank ahli secara teratur. Objektif latihan perintis perancangan resolusi adalah seperti berikut:

- (a) untuk membangunkan rangka kerja dan garis panduan perancangan resolusi muktamad, berdasarkan kepada penemuan daripada latihan perintis perancangan resolusi; dan
- (b) untuk mempertingkatkan keseluruhan rejim resolusi dengan mengenal pasti dan menangani isu-isu polisi dan perundangan utama.

Perlu dimaklumkan bahawa keperluan yang dikenakan oleh PIDM bagi perancangan resolusi akan disesuaikan dengan saiz, kerumitan dan kepentingan sistemik setiap institusi ahli. Kami merancang untuk melancarkan perancangan resolusi, secara berfasa, kepada industri.

### Menyebarluaskan institusi ahli terhadap perancangan resolusi

Perancangan resolusi adalah latihan teknikal dan akan melibatkan kerjasama rapat antara PIDM dengan pelbagai kakitangan daripada institusi ahli. Dalam Tempoh Perancangan, kami akan berbincang dengan institusi ahli dan melaksanakan program untuk memperkukuhkan pemahaman yang lebih jelas mengenai perancangan resolusi. Ini akan membantu institusi ahli kami membuat persediaan lebih baik bagi pelaksanaan perancangan resolusi pada masa hadapan.

### Metodologi dana sasaran

Kami juga telah memulakan kajian semula yang menyeluruh bagi metodologi dana sasaran kami. Kajian semula holistik ini akan menilai semula konsep kerugian bersih<sup>7</sup> yang sedia ada yang sedang diguna pakai.

---

<sup>7</sup> Yang menyediakan asas bagi pengumpulan kumpulan dana dalaman, untuk menampung kerugian bersih yang timbul daripada aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan.

## RANCANGAN KORPORAT 2019 - 2021

## KEUTAMAAN STRATEGIK: PENGLIBATAN PEMEGANG KEPENTINGAN

**Penyata Objektif 3: Terus memperkukuhkan hubungan dengan pemegang kepentingan utama**

Bahagian fokus bagi Tempoh Perancangan:

- Memperkukuhkan kepercayaan dan keyakinan pihak awam terhadap PIDM
- Penglibatan dengan institusi ahli dan persatuan industri
- Penglibatan dengan peserta jaringan keselamatan kewangan dan rakan kongsi strategik lain

*Penglibatan pemegang kepentingan*

Penglibatan pemegang kepentingan adalah penting kepada pelbagai aspek prestasi PIDM dan kritikal untuk memenuhi mandat kami, yang termasuk melindungi pendeposit, dan memperkukuhkan atau menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan. Pemegang kepentingan kami termasuk:

- Orang awam.** Terdapat risiko berkaitan dengan tahap kesedaran awam yang rendah tentang PIDM serta manfaat dan had sistem yang kami tadbir. Sejalan dengan Prinsip Teras IADI bagi Sistem Insurans Deposit Efektif,<sup>8</sup> kami sentiasa berusaha untuk meningkatkan tahap kesedaran awam mengenai PIDM selaras dengan mandat kami untuk memperkukuhkan atau menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan. Mencapai keyakinan awam terhadap peserta jaringan keselamatan kewangan merupakan satu ciri penting bagi mana-mana sistem yang berhasrat untuk memperkukuh dan mengekalkan keyakinan terhadap kestabilan sistem kewangan.
- Industri dan pemegang kepentingan yang lain.** Meskipun terdapat pelbagai risiko berkaitan dengan hubungan pemegang kepentingan yang kurang baik, pada masa yang sama, terdapat peluang dalam memastikan hubungan secara membina dengan pemegang kepentingan. Sebagai contoh, kami sentiasa mengadakan penglibatan bersama pihak yang terlibat menerusi perundingan awal bagi memastikan penerimaan yang lebih baik. Kami percaya dengan memupuk dan mengekalkan hubungan secara aktif dengan pemegang kepentingan utama serta mendapat pandangan tentang bidang utama yang mungkin memberi kesan kepada mereka, kami dapat mengurangkan risiko dan memastikan hasil yang lebih baik.
- Peserta jaringan keselamatan.** Prinsip ke-4 bagi Prinsip Teras IADI bagi Sistem Insurans Deposit Efektif mengetengahkan kepentingan penyelarasan rapat dan perkongsian maklumat dalam kalangan peserta jaringan keselamatan. Perlindungan eksplisit dan resolusi kegagalan memainkan peranan dalam mengurangkan kesan buruk akibat dari kejadian krisis kewangan yang mungkin berpunca daripada kegagalan sesebuah institusi ahli. Semana mungkin, resolusi institusi ahli yang gagal mesti dilaksanakan dengan jayanya, untuk mengurangkan tekanan ke atas sistem kewangan dan mengelakkan krisis sistemik. Bagi tujuan ini, peranan dan tanggungjawab peserta jaringan keselamatan perlu ditakrif dengan jelas manakala perancangan kontingensi dibangunkan dengan efektif.

<sup>8</sup> Prinsip 10.

## RANCANGAN KORPORAT 2019 - 2021

### **Penglibatan dengan orang awam**

Melangkah ke hadapan, objektif utama strategi komunikasi kami adalah untuk memupuk kepercayaan dan keyakinan awam terhadap PIDM dan sistem kami, dan bukan hanya sekadar mewujudkan kesedaran sementara. Ini bermakna kami perlu memilih kandungan dan kaedah komunikasi yang menarik perhatian dan ingatan secara berterusan bagi tempoh jangka panjang. Berikutan perubahan dalam landskap media, kami merancang untuk mengurangkan kebergantungan kepada pengiklanan massa dan akan menggunakan kaedah yang berbeza. Ini termasuk menyediakan maklumat menerusi ruang digital, media sosial dan aktiviti tertumpu secara terus; penyebaran maklumat menerusi kumpulan media sasaran, bagi mencapai kepada pihak komuniti yang disasarkan; dan menonjolkan kepimpinan pemikiran mengenai perkara berkaitan dengan PIDM.

### **Penglibatan dengan institusi ahli dan persatuan industri**

Kami akan meneruskan penglibatan dengan institusi ahli dan persatuan industri mengenai perkara-perkara yang relevan menerusi sesi perundingan, dialog atau bengkel kerja. Seperti yang dinyatakan dalam rancangan kami, kami akan mengambil kira maklum balas yang diterima daripada pemegang kepentingan kami termasuk apa yang diperoleh daripada beberapa sesi penglibatan yang diadakan pada tahun 2018.

Pada masa hadapan, seperti yang dinyatakan dalam Penyata Objektif 2, satu lagi penglibatan utama adalah dengan institusi ahli berkenaan inisiatif perancangan resolusi.

### **Penglibatan dengan peserta jaringan keselamatan kewangan dan rakan kongsi strategik lain**

Hubungan yang erat dan peningkatan interaksi dalam kalangan peserta jaringan keselamatan lain akan mempertingkatkan perkongsian maklumat dan kerjasama, dan yang lebih penting, ketelusan tentang peranan dan tanggungjawab masing-masing semasa pelaksanaan intervensi dan resolusi kegagalan. Cadangan simulasi antara agensi seperti yang dinyatakan dalam Penyata Objektif 1 akan menjadi kaedah utama untuk memperkukuhkan kerjasama tersebut.

Dalam meningkatkan penglibatan dengan pemegang kepentingan, kami juga akan terus bekerjasama dengan rakan kongsi strategik dan pemegang kepentingan utama lain bagi memastikan keseluruhan hasil yang kami sasarkan dicapai dalam Tempoh Perancangan.

## RANCANGAN KORPORAT 2019 - 2021

## KEUTAMAAN STRATEGIK: PENGURUSAN MODAL INSAN

**Penyata Objektif 4: Mengurus dengan efektif dan memaksimumkan penggunaan modal insan PIDM**

Bahagian fokus bagi Tempoh Perancangan:

- Menjalankan kajian semula tenaga kerja
- Meneruskan pembangunan keupayaan kepimpinan dan teknikal bagi mengukuhkan lapisan tenaga kerja
- Menerapkan budaya pembelajaran bagi kemampanan jangka panjang

Dalam bidang pengurusan modal insan<sup>9</sup> kami akan menumpukan usaha kami dalam bidang berikut:

- Kepimpinan.** PIDM perlu membangunkan dan mengekalkan tenaga kerja supaya terurus, bermotivasi dan dipimpin dengan efektif. Kakitangan kami diharapkan bukan sahaja dapat menjalankan tugas mereka pada standard yang tinggi, tetapi juga menggambarkan nilai-nilai PIDM dalam semua tugas yang dilaksanakan.
- Kepakaran teknikal.** Satu daripada objektif utama modal insan kami adalah untuk mempunyai kakitangan dengan kepakaran teknikal yang relevan, yang mempunyai pengetahuan mendalam dan kompleks tentang aspek teknikal kerja mereka serta operasi industri. Memandangkan keutamaan strategik "Rejim Resolusi Efektif", selain daripada menjalankan penglibatan pemegang kepentingan yang diperlukan, kami harus terus berusaha untuk mempertingkatkan kepakaran teknikal kakitangan kami dalam bidang yang relevan.
- Budaya.** Kami menyasar mewujudkan dan mengekalkan budaya dalaman dalam kalangan kakitangan kami yang menggalakkan serta mengukuhkan keterbukaan, integriti dan komitmen untuk melakukan yang terbaik bagi menyampaikan nilai. Pada masa yang sama, budaya ini perlu mendukung pembelajaran dan penambahbaikan yang berterusan agar dapat menyampaikan nilai dengan cara yang paling efektif. Kami juga akan berusaha untuk mengekalkan budaya ini menerusi pengukuhan secara berterusan.

Bagi memperkukuhkan kemampanan PIDM dalam persekitaran industri yang kompleks di mana kami beroperasi, kami juga akan melaksanakan langkah-langkah untuk menyokong objektif ini. Ini termasuklah perancangan penggantian yang efektif, pemerolehan dan pemindahan pengetahuan yang cekap, keupayaan untuk kekal cergas dan kebolehan menyesuaikan diri dalam persekitaran operasi yang mencabar, serta menyemai budaya kecemerlangan sebagai pengawal selia.

Untuk memastikan kami bersedia untuk melaksanakan perancangan resolusi dan menangani potensi perubahan dalam persekitaran operasi, kami merancang untuk mempertingkatkan program modal insan kami agar dapat menyokong pembangunan kepimpinan masa hadapan dan kepakaran teknikal dengan efektif serta membina keupayaan kakitangan, dan memastikan tahap penglibatan kakitangan yang tinggi.

**Kajian semula tenaga kerja**

Bagi Tempoh Perancangan, kami akan menjalankan aktiviti kajian semula tenaga kerja bagi mengenal pasti kumpulan tenaga kerja yang perlu terus dibangunkan untuk menggalas tugas kepimpinan dan teknikal yang kritikal (apabila terdapat keperluan).

**Terus membangunkan keupayaan kepimpinan dan teknikal**

Kami akan terus mempertingkatkan keupayaan kepimpinan dan teknikal kakitangan kami. Dalam membangunkan keupayaan teknikal, kami juga menumpu kepada kecekapan yang diperlukan untuk menyokong keutamaan strategik kami iaitu "Rejim Resolusi Efektif". Kami juga akan terus melaksanakan inisiatif pembangunan kepimpinan untuk kakitangan kepimpinan kami serta program kepimpinan bagi pemimpin berpotensi yang dikenalpasti.

**Terus memupuk budaya pembelajaran**

Penglibatan kakitangan akan terus menjadi strategi utama bagi PIDM. Kami juga akan meneruskan usaha kami untuk memupuk budaya pembelajaran bagi memastikan pengetahuan berkaitan PIDM diperolehi, dikuasai dan dipindahkan secara formal (sebagai contoh, menerusi pengurusan pengetahuan, dan proses formal untuk menguasai dan mendokumentasikan pembelajaran baharu). Pada masa yang sama, kami akan terus aktif menyediakan persekitaran pembelajaran yang menyokong.

<sup>9</sup> Dipandu oleh perbincangan dari penerbitan "Achieving Regulatory Excellence", (Brookings Institutional Press, 2017), Cary Coglianese, halaman 12-13.

## RANCANGAN KORPORAT 2019 - 2021

### KECEMERLANGAN OPERASI

#### Penyata Objektif 5: Terus melaksanakan kecemerlangan operasi dan mengguna pakai amalan terbaik dalam tadbir urus

PIDM akan terus berusaha untuk memastikan pengurusan dan penggunaan sumber yang efektif, terutamanya dalam bahagian berikut:

- Pengeloaan kewangan – menjalankan pengurusan kewangan berhemat bagi memastikan akauntabiliti
- Teknologi maklumat – mengoptimumkan penggunaan teknologi bagi mempertingkatkan penyepaduan data dan pengurusan maklumat
- Tadbir urus Syariah – meminimumkan potensi risiko ketidakpatuhan terhadap keperluan Syariah

#### *Kecemerlangan operasi dan tadbir urus*

*Dalam memenuhi kehendak pelbagai pemegang kepentingan yang mempunyai pelbagai kepentingan, badan berkanun kadang-kadang berhadapan dengan percanggahan kepentingan. Pada masa ini prinsip-prinsip ketelusan, objektiviti dan integriti perlu diketengahkan. Kami telah mendukung prinsip-prinsip ini yang membentuk asas bagi semua susunan dan amalan tadbir urus kami. Untuk memastikan pengurusan operasi yang kukuh, kami terus menampilkan standard kecemerlangan yang tinggi dan beroperasi pada tahap kecekapan yang tinggi.*

### Pengeloaan kewangan

PIDM terus mengamalkan pengeloaan kewangan yang berhemat. Dari segi operasi, kumpulan dana kami kini telah mencapai tahap ekonomi bidangan yang membolehkan kami berdikari dari segi kewangan. Ini bermakna pendapatan pelaburan kami dijangka mencukupi untuk menampung semua perbelanjaan operasi kami.

### Teknologi maklumat

Strategi dan inisiatif teknologi maklumat bagi tahun 2019 - 2021 menyokong objektif PIDM. Dalam Tempoh Perancangan, kami akan meneruskan inisiatif tahun 2018 bagi pembangunan portal industri dalam talian. Portal ini akan membolehkan perkongsian maklumat yang selamat antara PIDM dan institusi ahli kami, di samping mempertingkatkan kecekapan proses dan penglibatan kami dengan institusi ahli.


Kami akan terus menanda aras amalan keselamatan maklumat kami berbanding amalan terbaik industri dan memastikan amalan ini kekal kukuh. Seperti biasa, kami terus peka terhadap ancaman keselamatan maklumat dan mengambil langkah yang perlu untuk memastikan kesediaan keselamatan teknologi maklumat kami adalah efektif dan terkini.

### Tadbir urus Syariah

Dengan tumpuan kepada kesediaan operasi dan inisiatif perancangan resolusi, kami berhasrat untuk mempertimbangkan keperluan Syariah, yang berkaitan dengan resolusi dan perancangan resolusi dengan lebih baik. Bagi meminimumkan potensi risiko ketidakpatuhan terhadap keperluan Syariah, kami akan mengkaji semula dan mempertingkatkan pengaturan tadbir urus dalaman kami. Pengaturan ini bertujuan membolehkan kami menguruskan dengan lebih baik lagi potensi risiko berkaitan dengan pematuhan Syariah dalam melaksanakan mandat kami.




KAD SKOR KORPORAT 2019 - 2021

Objektif Korporat	No.	Inisiatif Korporat	Petunjuk Prestasi Utama / Sasaran		
			2019	2020	2021
 <b>REJIM RESOLUSI EFEKTIF</b>					
Keupayaan penilaian, pemantauan risiko, intervensi dan resolusi yang kukuh	<b>KESEDIAAN OPERASI</b>				
	<b>1.</b>	<b>Sistem Insurans Deposit:</b>			
	a.	Simulasi antara agensi	Membangun dan menyelaraskan proses antara agensi, termasuk proses bagi intervensi dan resolusi	Menyempurnakan simulasi khusus dengan pemain jaringan keselamatan utama	Menjalankan simulasi yang menyeluruh dengan semua pemain jaringan keselamatan utama
	b.	Latihan simulasi – bank ahli	Memulakan latihan simulasi yang menumpukan kepada kitaran hayat intervensi dan resolusi sesebuah bank ahli	Meneruskan latihan simulasi dengan menumpukan kepada: <ul style="list-style-type: none"> <li>• penilaian portfolio pinjaman atau pembiayaan</li> <li>• pelaksanaan pemindahan aset dan liabiliti</li> </ul>	Latihan simulasi yang menumpukan kepada resolusi bagi kumpulan perbankan
	c.	Pembayaran balik yang lancar	Penglibatan dengan pemegang kepentingan untuk mereka bentuk ciri-ciri bagi pembayaran balik deposit diinsuranskan yang lancar	Membangunkan ciri-ciri keperluan dan reka bentuk pembayaran balik yang lancar	Membangunkan keperluan infrastruktur dan integrasi pembayaran balik yang lancar
	<b>2.</b>	<b>Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans:</b>			
	a.	Latihan simulasi – ahli penginsurans	Menjalankan latihan simulasi yang menumpukan kepada: <ul style="list-style-type: none"> <li>• pelaksanaan pemindahan perniagaan</li> <li>• peruntukan polisi tuntutan bagi syarikat insurans hayat dan am</li> </ul> Kajian semula perbincangan bagi pengendali takaful	Latihan simulasi bagi pengendali takaful	Latihan simulasi yang menumpukan kepada resolusi bagi kumpulan insurans
	b.	Sistem Pengurusan Sokongan Pemilik Polisi	Pembangunan keperluan sistem	Pemerolehan dan permulaan pembangunan sistem	Menyempurnakan pembangunan sistem
	c.	Peraturan-peraturan dan perintah manfaat yang dilindungi	Memuktamadkan peraturan-peraturan dan perintah yang dipertingkatkan untuk diwartakan	Melaksanakan peraturan-peraturan dan perintah yang diwartakan	Memantau pelaksanaan peraturan-peraturan dan perintah
	d.	Peraturan-peraturan maklumat Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	Memuktamadkan peraturan-peraturan untuk diwartakan	Melaksanakan peraturan-peraturan yang diwartakan	Memantau pelaksanaan peraturan-peraturan



## RANCANGAN KORPORAT 2019 - 2021

## KAD SKOR KORPORAT 2019 - 2021

Objektif Korporat	No.	Inisiatif Korporat	Petunjuk Prestasi Utama / Sasaran		
			2019	2020	2021
 <b>REJIM RESOLUSI EFEKTIF</b>					
<b>PERANCANGAN RESOLUSI</b>					
<b>Keupayaan penilaian, pemantauan risiko, intervensi dan resolusi yang kukuh</b>	<b>3.</b>	<b>Perancangan resolusi bagi institusi kewangan:</b>			
	a.	Latihan perintis	Memulakan latihan perintis perancangan resolusi dan mengkaji semula draf garis panduan dan templat pelaporan perancangan resolusi berdasarkan maklum balas yang diterima daripada bank perintis	Menyempurnakan latihan perintis perancangan resolusi dan mengenal pasti "strategi resolusi pilihan" bagi bank perintis	-
	b.	Pelancaran kepada industri	-	Memuktamadkan garis panduan dan templat pelaporan perancangan resolusi Pelancaran kepada industri secara berfasa	Melancarkan kepada industri secara berfasa
	c.	Penglibatan industri, sesi taklimat dan dialog	Menjalankan sesi penglibatan yang efektif dengan industri	Menjalankan sesi penglibatan yang efektif dengan industri	Menjalankan sesi penglibatan yang efektif dengan industri
	<b>4.</b>	Rangka kerja dana sasaran	Meneruskan kajian semula metodologi dana sasaran	Memuktamadkan cadangan bagi rangka kerja dana sasaran yang disemak semula, sekiranya ada	-
 <b>TADBIR URUS KORPORAT</b>					
<b>Organisasi yang diurus dan ditadbir dengan baik</b>	<b>5.</b>	a. Amalan terbaik tadbir urus yang diguna pakai dan dikekalkan	Pematuhan	Pematuhan	Pematuhan
	b.	Perundangan serta polisi dan amalan korporat utama dipatuhi serta kekal terkini dan relevan	Pematuhan penuh dan dikemas kini	Pematuhan penuh dan dikemas kini	Pematuhan penuh dan dikemas kini
	c.	Kualiti sokongan pengurusan kepada Lembaga Pengarah	Kepuasan tinggi	Kepuasan tinggi	Kepuasan tinggi
	d.	Pengaturan tadbir urus Syariah	Pelancaran pengaturan tadbir urus Syariah	-	Kajian semula keberkesanan pengaturan tadbir urus Syariah
	<b>6.</b>	Pelaporan menerusi:			
	a.	Laporan Tahunan	Disempurnakan	Disempurnakan	Disempurnakan
	b.	Rancangan Korporat	Disempurnakan	Disempurnakan	Disempurnakan
	<b>7.</b>	Pematuhan kawalan dalaman dan pengurusan risiko	Kukuh	Kukuh	Kukuh
	<b>8.</b>	Portal industri PIDM – Kemudahan layan diri bagi serahan maklumat dan data dalam talian yang selamat	Pelancaran kepada institusi ahli	-	-

RANCANGAN KORPORAT 2019 - 2021

KAD SKOR KORPORAT 2019 - 2021

Objektif Korporat	No.	Inisiatif Korporat	Petunjuk Prestasi Utama / Sasaran		
			2019	2020	2021
 <b>PENGLIBATAN PEMEGANG KEPENTINGAN</b>					
Pemegang kepentingan yang terdidik dan bermaklumat	9.	Kesedaran umum mengenai PIDM	65%	Minimum 65%	Minimum 65%
	10.	Pelan komunikasi media sosial (Facebook)	Mencapai 30% pertumbuhan dalam komuniti Facebook PIDM	Mencapai 20% pertumbuhan dalam komuniti Facebook PIDM berbanding tahun 2019	Melaksanakan saluran media sosial lain yang relevan
	11.	Kepimpinan pemikiran dalam topik-topik relevan termasuk intervensi dan resolusi kegagalan	Membangunkan kandungan bagi penerbitan Menerbitkan artikel setiap suku tahunan	Terus membangunkan kandungan bagi penerbitan	Menjalankan kaji selidik untuk menilai keberkesanan
Penglibatan efektif	12.	Hubungan PIDM dengan pemegang kepentingan utama:			
	a.	Peserta jaringan keselamatan kewangan	Mengekalkan hubungan kerja yang kukuh	Mengekalkan hubungan kerja yang kukuh	Mengekalkan hubungan kerja yang kukuh
	b.	Institusi ahli dan persatuan industri	Mengekalkan hubungan kerja yang memuaskan	Mengekalkan hubungan kerja yang memuaskan	Mengekalkan hubungan kerja yang memuaskan
	c.	Kementerian-kementerian dan agensi kawal selia Kerajaan yang lain	Mengekalkan hubungan kerja yang kukuh	Mengekalkan hubungan kerja yang kukuh	Mengekalkan hubungan kerja yang kukuh
	d.	Media	Mengekalkan hubungan kerja yang kukuh	Mengekalkan hubungan kerja yang kukuh	Mengekalkan hubungan kerja yang kukuh
 <b>PENGURUSAN MODAL INSAN</b>					
Tenaga kerja yang cekap dan berpengetahuan	13.	<b>Rancangan modal insan strategik:</b>			
	a.	Kajian semula tenaga kerja	Menyempurnakan kajian semula tenaga kerja dan mengenal pasti kumpulan tenaga kerja dan pembangunan keupayaan kakitangan	-	-
	b.	Program pembangunan kepimpinan berstruktur	Membangunkan program kepimpinan bagi kumpulan tenaga kerja yang dikenal pasti  Melaksanakan program kepimpinan bagi pemimpin sedia ada berdasarkan kepada kecekapan kepimpinan PIDM	Melaksanakan program kepimpinan bagi kumpulan tenaga kerja yang dikenal pasti  Kajian semula keberkesanan program kepimpinan bagi pemimpin sedia ada	Kajian semula keberkesanan program kepimpinan bagi kumpulan tenaga kerja yang dikenal pasti  Mempertingkatkan program kepimpinan bagi pemimpin sedia ada

## RANCANGAN KORPORAT 2019 - 2021

## KAD SKOR KORPORAT 2019 - 2021

Objektif Korporat	No.	Inisiatif Korporat	Petunjuk Prestasi Utama / Sasaran		
			2019	2020	2021
 <b>PENGURUSAN MODAL INSAN</b>					
Tenaga kerja yang cekap dan berpengetahuan	13.	<b>Rancangan modal insan strategik:</b>			
		c. Program pembangunan teknikal bagi perancangan resolusi, intervensi dan resolusi kegagalan	Meneruskan pembangunan modul teknikal berdasarkan kepada keupayaan yang diperlukan  Membangunkan program khusus bagi membina keupayaan lapisan kakitangan	Melaksanakan modul teknikal dan kajian semula keberkesanan	Mempertingkatkan modul teknikal
		d. Kurikulum PIDM – modul teras, modul kepimpinan, modul lanjutan (topik teknikal)	Melancarkan modul teras dan menguji kakitangan  Membangun dan melancarkan modul kepimpinan	Memulakan pembangunan modul lanjutan (topik teknikal)	Menyempurnakan modul lanjutan (topik lanjutan)
	e. Organisasi pembelajaran	Mencapai tahap Median* bagi "Asas Persekitaran Pembelajaran dan Asas Proses Pembelajaran"***  Mencapai tahap Kuartil Ketiga bagi "Asas Kepimpinan yang Mengukuhkan Pembelajaran"***	Mencapai tahap Median* bagi "Asas Persekitaran Pembelajaran dan Asas Proses Pembelajaran"***  Mencapai tahap Kuartil Ketiga bagi "Asas Kepimpinan yang Mengukuhkan Pembelajaran"***	Mencapai tahap Median * bagi "Asas Persekitaran Pembelajaran dan Asas Proses Pembelajaran"***  Mencapai tahap Kuartil Ketiga bagi "Asas Kepimpinan yang Mengukuhkan Pembelajaran"***	
Persekitaran korporat yang kondusif	14.	Indeks Tahap Keterlibatan Berterusan (tinjauan dijalankan dua tahun sekali)	Mencapai indeks tahap keterlibatan berterusan sebanyak 80%	–	Mencapai indeks tahap keterlibatan berterusan sebanyak 80%

\* Jajaran bagi skor penanda aras Harvard's Learning Organization Survey (LOS), Garvin, Edmondson & Gino, 2008, adalah seperti berikut: Kuartil Terendah => Kuartil Kedua => Median => Kuartil Ketiga => Kuartil Utama

\*\* Asas organisasi pembelajaran:

- Persekitaran pembelajaran – persekitaran yang menyokong keselamatan psikologi, menghormati perbezaan, keterbukaan kepada idea, dan masa untuk refleksi diri.
- Proses pembelajaran – melibatkan penjana, pengumpulan, tafsiran dan penyebaran maklumat.
- Kepimpinan yang mengukuhkan pembelajaran – tingkah laku pemimpin yang menggalakkan pembelajaran menerusi, antara lainnya, pertanyaan dan pendengaran aktif.

## RANCANGAN KORPORAT 2019 - 2021

### SOROTAN RANCANGAN KEWANGAN 2019

#### Rancangan Kewangan 2019

Berikut adalah rancangan kewangan bagi tahun 2019 yang menyatakan sumber yang diperlukan untuk melaksanakan rancangan keutamaan strategik dan inisiatif PIDM, supaya kami mampu terus memenuhi mandat, misi dan visi kami.

Bajet pendapatan serta perbelanjaan operasi dan modal PIDM bagi tahun 2019 dibentangkan seperti di bawah:

<b>BAJET OPERASI</b>						
	<b>2019 Bajet</b>		<b>2018 Unjuran*</b>		<b>2018 Bajet</b>	
	<b>RM'000</b>	<b>(%)</b>	<b>RM'000</b>	<b>(%)</b>	<b>RM'000</b>	<b>(%)</b>
<b>Pendapatan</b>						
Premium dan levi	496,000	77	468,180	80	459,000	80
Pendapatan pelaburan	144,800	23	120,300	20	116,000	20
<b>Jumlah Pendapatan</b>	<b>640,800</b>	<b>100</b>	<b>588,480</b>	<b>100</b>	<b>575,000</b>	<b>100</b>
<b>Perbelanjaan Operasi</b>						
Perbelanjaan operasi dan pentadbiran	16,900	16	15,210	15	19,580	16
Perbelanjaan pengurusan modal insan	67,800	63	64,300	64	73,360	61
Perbelanjaan berkaitan inisiatif	13,000	12	12,040	12	18,960	16
<b>Jumlah Perbelanjaan Operasi sebelum Perbelanjaan Bukan Tunai</b>	<b>97,700</b>	<b>91</b>	<b>91,550</b>	<b>91</b>	<b>111,900</b>	<b>93</b>
Perbelanjaan bukan tunai	9,300	9	8,450	9	8,100	7
<b>Jumlah Perbelanjaan Operasi</b>	<b>107,000</b>	<b>100</b>	<b>100,000</b>	<b>100</b>	<b>120,000</b>	<b>100</b>
<b>Lebihan Bersih</b>	<b>533,800</b>		<b>488,480</b>		<b>455,000</b>	

\* Unjuran 2018 = Sebenar (Januari hingga November 2018) + Unjuran (Disember 2018)

## RANCANGAN KORPORAT 2019 - 2021

BAJET MODAL						
	2019 Bajet		2018 Unjuran*		2018 Bajet	
	RM'000	(%)	RM'000	(%)	RM'000	(%)
<b>Perbelanjaan Modal</b>						
Kenderaan motor	–	–	190	7	220	3
Perabot, kelengkapan dan ubah suai pejabat	300	8	100	3	1,280	17
Sistem komputer dan peralatan pejabat	3,700	92	2,510	90	6,200	80
<b>Jumlah</b>	<b>4,000</b>	<b>100</b>	<b>2,800</b>	<b>100</b>	<b>7,700</b>	<b>100</b>

\* Unjuran 2018 = Sebenar (Januari hingga November 2018) + Unjuran (Disember 2018)

### Ulasan Bajet Pendapatan, Operasi dan Modal

Kumpulan Dana Perlindungan PIDM telah mencecah tahap yang mencukupi untuk mencapai biaya diri operasi. Ini bermakna pendapatan pelaburan kami dijangka mencukupi untuk menampung semua perbelanjaan operasi kami. Pada masa hadapan, semua premium dan levi yang diterima daripada institusi ahli tidak akan digunakan bagi menampung perbelanjaan operasi. Pendapatan pelaburan kami dijangka terus berkembang kukuh sejajar dengan peningkatan dalam jumlah kumpulan dana boleh dilabur.

Perbelanjaan utama kami berkait dengan modal insan kerana kami terus membina kapasiti dan keupayaan khusus bagi kesediaan operasi serta perancangan resolusi. Kami juga terus mara ke arah menjadi organisasi pembelajaran dan berusaha untuk mempertingkatkan keupayaan lapisan kakitangan kami. Meskipun dijangka terdapat peningkatan perbelanjaan modal insan, purata kos manfaat bagi setiap kakitangan PIDM kekal stabil.

Perbelanjaan kami juga menyokong pelaksanaan inisiatif-inisiatif utama selaras dengan keutamaan dan objektif strategik kami. Ini termasuk inisiatif khusus bagi memastikan kesediaan operasi, seperti menjalankan simulasi, meneruskan usaha kami berkaitan dengan perancangan resolusi, serta menumpukan kepada aktiviti kesedaran awam dan penglibatan pemegang kepentingan.

Perbelanjaan operasi dan pentadbiran harian PIDM kekal konsisten kerana infrastruktur operasi utama telah dibangunkan dan operasi kami telah stabil.

## RANCANGAN KORPORAT 2019 - 2021

### Pendapatan

- Premium dan levi bagi tahun 2019 adalah berdasarkan kepada struktur kadar Sistem Premium Berbeza bagi bank ahli dan struktur kadar Sistem Levi Berbeza bagi ahli penginsurans.
- Bagi sektor perbankan, kami menganggarkan premium sebanyak RM403 juta bagi tahun 2019. Ini adalah RM22.1 juta atau 6% lebih tinggi berbanding premium sebenar yang diterima pada tahun 2018. Anggaran premium bagi tahun 2019 adalah berdasarkan kepada pertumbuhan stabil dalam "Jumlah Deposit yang Diinsuranskan".
- Bagi sektor insurans, kami menganggarkan levi sebanyak RM93 juta. Ini adalah RM5.7 juta atau 7% lebih tinggi berbanding levi sebenar yang diterima pada tahun 2018, selaras dengan trend pertumbuhan dalam liabiliti penilaian aktuari (*actuarial valuation liability*) dan premium atau sumbangan bersih (*net premiums or contributions*).
- Pendapatan pelaburan diperoleh daripada portfolio aset kewangan kami, yang terdiri terutamanya daripada sekuriti pelaburan berkualiti tinggi dan mudah tunai serta penempatan pasaran wang. Pendapatan pelaburan bagi tahun 2019 dianggarkan sebanyak RM144.8 juta berdasarkan kepada kadar efektif pulangan purata berwajaran yang sepadan dengan polisi pelaburan kami. Kadar efektif pulangan purata berwajaran bagi tahun 2019 dijangka lebih tinggi berbanding tahun 2018. Peningkatan dalam pendapatan pelaburan juga dipacu oleh pertumbuhan dalam asas kumpulan dana yang boleh dilabur.

### Perbelanjaan Operasi

Selaras dengan fokus kami untuk meningkatkan keberkesanan operasi dan mengoptimumkan sumber yang ada, kami terus beroperasi dengan bajet perbelanjaan yang berhemah dan bertanggungjawab.

- Perbelanjaan operasi dan pentadbiran – Ini adalah perbelanjaan operasi bagi menyokong operasi harian berterusan PIDM. Kami menjangka perbelanjaan ini kekal stabil sepanjang Tempoh Perancangan dan pada masa yang sama kami akan terus mengoptimumkan penggunaan sumber yang ada serta mempertingkatkan keberkesanan dan kecekapan operasi.
- Perbelanjaan berkaitan pengurusan modal insan – Selaras dengan keutamaan strategik "Pengurusan Modal Insan", perbelanjaan yang dirancang terdiri daripada kos manfaat dan ganjaran kakitangan, perbelanjaan pembelajaran dan pembangunan, perbelanjaan berkaitan dengan kebajikan kakitangan dan aktiviti keterlibatan kakitangan, serta kos inisiatif pengurusan modal insan lain. Peningkatan bagi tahun 2019 mencerminkan rancangan untuk mempertingkatkan kapasiti dan keupayaan kakitangan PIDM, terutamanya dalam bidang perancangan resolusi.
- Perbelanjaan berkaitan inisiatif lain – Kami sentiasa mengkaji semula pendekatan yang digunakan dalam melaksanakan inisiatif dan projek utama kami, dengan fokus untuk mengoptimumkan sumber bagi mencapai hasil yang terbaik. Berikut adalah perbelanjaan dan kos khusus yang akan ditanggung semasa menjalankan inisiatif utama kami selaras dengan keutamaan strategik, iaitu "Rejim Resolusi Efektif" serta "Penglibatan Pemegang Kepentingan".
  - Rejim Resolusi Efektif: Sebanyak RM3.1 juta diperuntukkan untuk menyokong keutamaan strategik ini, terutamanya bagi perancangan resolusi dan untuk memastikan kesediaan operasi bagi melaksanakan intervensi atau resolusi kegagalan dengan segera sekiranya berlaku kegagalan sesebuah institusi ahli. Ini termasuk latihan perintis perancangan resolusi bagi institusi ahli terpilih serta simulasi berkaitan intervensi dan resolusi.
  - Penglibatan Pemegang Kepentingan dan Kecemerlangan Operasi: Sebanyak RM7.3 juta diperuntukkan untuk melaksanakan aktiviti komunikasi dan kesedaran awam yang bertujuan memperkukuhkan kesedaran awam dan pemahaman yang lebih baik mengenai PIDM. Terdapat kecenderungan yang lebih ke arah media digital serta penglibatan langsung menerusi acara-acara aktiviti bersama masyarakat. Sebanyak RM2.1 juta lagi diperuntukkan bagi inisiatif penglibatan pemegang kepentingan yang lain, termasuk yang melibatkan rakan kongsi utama tempatan dan antarabangsa, peserta jaringan keselamatan kewangan yang lain serta pihak industri. Jumlah ini juga termasuk peruntukan bagi inisiatif tanggungjawab sosial korporat termasuk program biasiswa kami. Baki sebanyak RM0.5 juta diperuntukkan bagi tadbir urus dan inisiatif berkaitan operasi yang lain.

## RANCANGAN KORPORAT 2019 - 2021

### Perbelanjaan Modal

- Daripada RM4 juta bagi perbelanjaan modal untuk tahun 2019, sebanyak RM2.6 juta telah diperuntukkan untuk menyokong penambahbaikan operasi berterusan PIDM termasuk bagi peralatan dan kelengkapan pejabat sebanyak RM0.3 juta serta pemantapan infrastruktur teknologi maklumat dan sistem operasi sebanyak RM2.3 juta.
- Baki sebanyak RM1.4 juta diperuntukkan untuk menyokong pembangunan instrumen utama yang menyokong keutamaan strategik PIDM, termasuk penambahbaikan sistem pembayaran balik kepada pendeposit.

### UNJURAN KEWANGAN 2020 - 2021

Unjuran kewangan bagi tahun 2020 dan 2021 kebanyakannya berdasarkan kepada inisiatif utama PIDM semasa Tempoh Perancangan, dilengkapi dengan unjuran konservatif berdasarkan kepada trend pendapatan dan perbelanjaan PIDM yang lepas.

PRO FORMA BAGI PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF					
	2019 Bajet	Tahun- Ke-Tahun kenaikan / (pengurangan)	2020 Unjuran	Tahun- Ke-Tahun kenaikan / (pengurangan)	2021 Unjuran
	RM'000	(%)	RM'000	(%)	RM'000
<b>Pendapatan</b>					
Premium dan levi	496,000	7	529,050	4	552,050
Pendapatan pelaburan	144,800	18	170,950	19	203,950
<b>Jumlah Pendapatan</b>	<b>640,800</b>	<b>9</b>	<b>700,000</b>	<b>8</b>	<b>756,000</b>
<b>Perbelanjaan Operasi</b>					
Perbelanjaan operasi dan pentadbiran	16,900	2	17,200	1	17,400
Perbelanjaan pengurusan modal insan	67,800	7	72,800	5	76,400
Perbelanjaan berkaitan inisiatif	13,000	11	14,400	(6)	13,500
<b>Jumlah Perbelanjaan Operasi sebelum Perbelanjaan Bukan Tunai</b>	<b>97,700</b>	<b>7</b>	<b>104,400</b>	<b>3</b>	<b>107,300</b>
Perbelanjaan bukan tunai	9,300	(18)	7,600	14	8,700
<b>Jumlah Perbelanjaan Operasi</b>	<b>107,000</b>	<b>5</b>	<b>112,000</b>	<b>4</b>	<b>116,000</b>
<b>Lebihan Bersih</b>	<b>533,800</b>	<b>10</b>	<b>588,000</b>	<b>9</b>	<b>640,000</b>



## RANCANGAN KORPORAT 2019 - 2021

### PRO FORMA BAGI PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

	2019 Bajet	2020 Unjuran	2021 Unjuran
	RM'000	RM'000	RM'000
<b>Aset</b>			
Tunai dan kesetaraan tunai	119,500	118,500	119,500
Pelaburan	4,434,900	5,024,900	5,662,900
Aset lain	35,000	40,000	45,000
Hartanah dan peralatan (termasuk aset berkaitan hak penggunaan)	40,000	35,000	32,000
<b>Jumlah Aset</b>	<b>4,629,400</b>	<b>5,218,400</b>	<b>5,859,400</b>
<b>Liabiliti</b>			
Akaun belum bayar (termasuk liabiliti pajakan)	14,000	15,000	16,000
<b>Jumlah Liabiliti</b>	<b>14,000</b>	<b>15,000</b>	<b>16,000</b>
<b>Kumpulan Dana dan Rizab</b>			
<b>Kumpulan Dana Insurans Deposit</b>			
Baki awal	2,397,095	2,801,195	3,249,395
Lebihan bagi tahun semasa	404,100	448,200	492,200
	2,801,195	3,249,395	3,741,595
<b>Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans</b>			
Baki awal	1,684,505	1,814,205	1,954,005
Lebihan bagi tahun semasa	129,700	139,800	147,800
	1,814,205	1,954,005	2,101,805
<b>Jumlah Kumpulan Dana dan Rizab</b>	<b>4,615,400</b>	<b>5,203,400</b>	<b>5,843,400</b>
<b>JUMLAH LIABILITI, KUMPULAN DANA DAN RIZAB</b>	<b>4,629,400</b>	<b>5,218,400</b>	<b>5,859,400</b>

## RANCANGAN KORPORAT 2019 - 2021

<b>PRO FORMA BAGI PENYATA ALIRAN TUNAI</b>			
	<b>2019 Bajet</b>	<b>2020 Unjuran</b>	<b>2021 Unjuran</b>
	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>
<b>Aliran Tunai daripada Aktiviti Operasi</b>			
Penerimaan premium daripada institusi ahli	496,000	529,050	552,050
Penerimaan pendapatan pelaburan	184,830	210,450	228,030
Pembayaran kos kewangan bagi pajakan	(1,250)	(1,000)	(750)
Pembayaran kos operasi kepada penyedia perkhidmatan dan kakitangan	(115,640)	(115,000)	(115,380)
<b>Aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi</b>	<b>563,940</b>	<b>623,500</b>	<b>663,950</b>
<b>Aliran Tunai daripada Aktiviti Pelaburan</b>			
Perolehan daripada jualan sekuriti pelaburan	1,356,710	1,997,260	1,492,090
Pembelian sekuriti pelaburan	(1,929,000)	(2,613,760)	(2,148,690)
Pembelian hartanah dan peralatan	(3,000)	(4,000)	(2,500)
<b>Aliran tunai bersih yang digunakan dalam aktiviti pelaburan</b>	<b>(575,290)</b>	<b>(620,500)</b>	<b>(659,100)</b>
<b>Aliran Tunai daripada Aktiviti Kewangan</b>			
Pembayaran balik prinsipal liabiliti pajakan	(4,150)	(4,000)	(3,850)
<b>Aliran tunai bersih digunakan dalam aktiviti kewangan</b>	<b>(4,150)</b>	<b>(4,000)</b>	<b>(3,850)</b>
<b>Kenaikan / (pengurangan) bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai</b>	<b>(15,500)</b>	<b>(1,000)</b>	<b>1,000</b>
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun	135,000	119,500	118,500
<b>Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun</b>	<b>119,500</b>	<b>118,500</b>	<b>119,500</b>

# PERSEKITARAN OPERASI DAN RISIKO UTAMA

---

## PERSEKITARAN OPERASI DAN RISIKO UTAMA

Keutamaan strategik dan inisiatif-inisiatif utama PIDM telah dibangunkan bagi mengurus risiko-risiko utamanya. Pandangan PIDM tentang persekitaran operasinya adalah seperti berikut:

- **Ekonomi.** Peningkatan ketegangan perdagangan, pertumbuhan global yang tidak sekata dan perbezaan dasar menyebabkan aliran modal yang tidak menentu. Faktor-faktor ini menimbulkan ancaman terbesar kepada pertumbuhan global. Meskipun suasana global mencabar, ekonomi Malaysia dijangka berkembang sebanyak 4.9%<sup>10</sup> pada tahun 2019.
- **Sektor kewangan.** Institusi ahli pada asasnya kekal kukuh ketika ini, disokong oleh pertumbuhan perniagaan yang berhemat, prestasi pendapatan yang baik serta pembiayaan dan paras mudah tunai yang stabil. Kualiti aset kekal baik, dengan penampungan modal yang kukuh untuk menampung potensi kejutan yang ketara.

Kami telah menilai risiko utama yang boleh menjejaskan pencapaian mandat dan objektif kami (dalam Bahagian 1 dan 2) seperti berikut:

Kategori Risiko	Penarafan Risiko Residual	Trend Risiko
<b>Kewangan</b> Risiko berkaitan dengan pergerakan negatif dalam nilai aset dan liabiliti kewangan PIDM, kedua-duanya di dalam dan di luar lembaranimbangan serta keupayaan PIDM untuk memenuhi obligasi kewangannya.	●	↔
<b>Operasi</b> Risiko berkaitan dengan operasi harian PIDM termasuk kekurangan atau kegagalan proses dan sistem dalaman yang boleh menjejaskan keupayaannya untuk melaksanakan mandatnya.	●	↔
<b>Insurans</b> Risiko berkaitan dengan penilaian, pemantauan, intervensi dan resolusi kegagalan institusi ahli, dan risiko lain yang wujud dalam mentadbir Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.	●	↑
<b>Reputasi</b> Risiko berkaitan dengan reputasi kami termasuk kepercayaan dan keyakinan pemegang kepentingan terhadap PIDM, berserta kemampuan dan keupayaan untuk melaksanakan mandat kami.	●	↑
<b>Strategik</b> Risiko berkaitan dengan strategi dan tadbir urus PIDM dalam mencapai mandat, visi, misi, objektif atau inisiatifnya.	●	↑
<b>Kakitangan</b> Risiko berkaitan dengan kakitangan kami dan bagaimana PIDM mengurus kakitangannya.	●	↑

### Definisi Pengkadaran Risiko Residual

- **Boleh Diterima**  
Keseluruhannya, risiko residual boleh diterima dan amalan pengurusan risiko yang sewajarnya telah dilaksanakan.
- **Boleh Diurus**  
Keseluruhannya, risiko residual mewajarkan pelan tindakan risiko sebagai mitigasi, dan tindakan yang sesuai dan tepat pada masa perlu dilaksanakan untuk menangani risiko tersebut.
- **Peringatan**  
Keseluruhannya, risiko residual mewajarkan pemantauan rapi, dan / atau inisiatif yang telah dikenal pasti sebelumnya untuk mengukuhkan pengurusan risiko masih belum dilaksanakan sepenuhnya, walaupun tindakan yang sesuai dan tepat pada masa telah diambil untuk berbuat demikian.
- **Kebimbangan Serius**  
Keseluruhannya, risiko residual tidak boleh diterima, termasuk jurang ketara yang mungkin wujud dalam amalan dan kawalan pengurusan risiko.

### Trend Risiko

- ↑ **Meningkat**
- ↔ **Stabil**
- ↓ **Menurun**

<sup>10</sup> Bajet 2019.

## PERSEKITARAN OPERASI DAN RISIKO UTAMA

Secara ringkasnya:

- penarafan risiko kekal sama seperti pada tahun 2017 bagi semua kategori risiko. Risiko yang dinilai sebagai “boleh diurus” mewajarkan pelan tindakan risiko diambil yang telah diterapkan sebagai sebahagian daripada inisiatif utama PIDM; dan
- trend risiko bagi risiko reputasi dan risiko strategik telah berubah daripada “stabil” pada tahun 2017 kepada “meningkat”.

Trend risiko “meningkat” adalah disebabkan berikut:

- Kesediaan orang ramai untuk melibatkan diri dalam perdebatan umum atau memberi pandangan mengenai isu-isu sukar adalah jelas. Digabungkan dengan penggunaan meluas media sosial, potensi gambaran yang salah atau berita buruk yang tersebar dengan cepat semakin meningkat dan boleh menjejaskan risiko reputasi PIDM. Justeru itu, adalah penting bagi PIDM untuk memantau media, termasuk media sosial bagi menangani potensi risiko dan cabaran kepada PIDM serta kestabilan sistem kewangan.
- Bagi risiko strategik, perubahan dalam persekitaran operasi semasa memerlukan penilaian aspek kesediaan tertentu (seperti pengaturan penyelarasan dan komunikasi) dalam kalangan kakitangan yang relevan dalam pemain jaringan keselamatan agar mereka boleh bertindak balas dengan proaktif dan tidak hanya secara reaktif apabila berlaku peristiwa intervensi dan resolusi kegagalan serta krisis kewangan.

# MELANGKAH KE HADAPAN

---

**Langkah Seterusnya**

**Memantau Kemajuan Berbanding Dengan  
Rancangan yang Diluluskan**

**Halangan Pencapaian Rancangan Korporat**

## MELANGKAH KE HADAPAN

### LANGKAH SETERUSNYA

Inisiatif korporat utama dalam Rancangan Korporat 2019 - 2021 disebarluaskan ke seluruh PIDM bagi pembangunan petunjuk prestasi utama individu. Program penggajian dan ganjaran kami berhubung kait dengan pencapaian sasaran tahunan yang digariskan dalam Rancangan ini.

### MEMANTAU KEMAJUAN BERBANDING DENGAN RANCANGAN YANG DILULUSKAN

Kemajuan inisiatif tahun 2019 - 2021 akan dipantau dan dilaporkan kepada kedua-dua Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah. Laporan itu juga akan menyetujui keputusan dan perbezaan kewangan utama. Sebagai sebahagian daripada proses pemantauan kemajuan dalam mencapai sasaran, unjuran kewangan juga telah disediakan.

Kami akan terus memantau persekitaran operasi untuk memastikan Rancangan Korporat kekal relevan. Sekiranya perlu, semakan semula mungkin dibuat terhadap Rancangan Korporat sekiranya terdapat perkembangan negatif yang ketara yang boleh menyebabkan perubahan dalam andaian atau keutamaan.

### HALANGAN PENCAPAIAN RANCANGAN KORPORAT

Aktiviti intervensi atau resolusi kegagalan bagi institusi ahli bermasalah atau kehilangan kakitangan utama boleh mendorong kepada pengutamaan semula inisiatif yang dirancang dan penumpuan semula sumber yang tersedia terhadap usaha yang harus dijalankan. Bagi menangani potensi risiko-risiko yang boleh menghalang pencapaian Rancangan Korporat ini, kami telah membangunkan pelan tindakan berikut, yang akan:

- mengutamakan semula inisiatif PIDM dan menyelaras sumber tersedia, dan pada masa yang sama mengekalkan semua fungsi operasi yang kritikal, sekiranya berlaku aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan semasa Tempoh Perancangan; dan
- terus memantau pelan penggantian bagi jawatan-jawatan utama bagi mengurangkan kesan daripada kehilangan mendadak kakitangan utama.

Meskipun peristiwa-peristiwa sedemikian adalah di luar kawalan PIDM, kami akan terus memantau persekitaran operasi bagi memastikan risiko-risiko yang boleh menghalang pencapaian Rancangan Korporat kami dapat ditangani dan kesannya dapat dikurangkan.

## GLOSARI ISTILAH

**Dana Insurans Deposit Islam**

Semua premium yang diterima oleh PIDM daripada bank Islam ahli atau bank perdagangan ahli yang menyediakan perkhidmatan perbankan Islam dan pulangan yang dibuat, ditolak kos operasi bagi Sistem Insurans Deposit Islam.

**Dana Insurans Deposit Konvensional**

Semua premium yang diterima oleh PIDM daripada bank ahli yang menyediakan perkhidmatan perbankan konvensional dan faedah diperoleh, ditolak kos operasi bagi Sistem Insurans Deposit konvensional.

**Dana Perlindungan Insurans Am**

Semua levi yang diterima oleh PIDM daripada ahli penginsurans yang menjalankan perniagaan insurans am dan faedah diperoleh, ditolak kos operasi bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.

**Dana Perlindungan Insurans Hayat**

Semua levi yang diterima oleh PIDM daripada ahli penginsurans yang menjalankan operasi perniagaan insurans hayat dan faedah diperoleh, ditolak kos operasi bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.

**Dana Perlindungan Takaful Am**

Semua levi yang diterima oleh PIDM daripada ahli penginsurans yang menjalankan perniagaan takaful am dan pulangan dibuat, ditolak kos operasi bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.

**Dana Perlindungan Takaful Keluarga**

Semua levi yang diterima oleh PIDM daripada ahli penginsurans yang menjalankan perniagaan takaful keluarga dan pulangan dibuat, ditolak kos operasi bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.

**Dana sasaran**

Dana sasaran, pada umumnya, merupakan paras dana terkumpul yang diperlukan bagi menanggung dengan sewajarnya kerugian yang dijangkakan daripada aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan.

**Indeks Tahap Keterlibatan Berterusan**

Kekuatan hubungan kakitangan terhadap PIDM berdasarkan komitmen dalam mencapai matlamat kerja, pemberdayaan dan pengalaman kerja yang menggalakkan kesejahteraan.

**Institusi ahli**

Ahli PIDM yang terdiri daripada ahli penginsurans dan bank ahli.

**Ahli penginsurans**

Semua syarikat insurans (termasuk subsidiari syarikat insurans asing yang diperbadankan dan beroperasi di Malaysia) yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 untuk menjalankan perniagaan insurans hayat dan / atau am di Malaysia, serta pengendali takaful yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 untuk menjalankan perniagaan takaful keluarga dan / atau am di Malaysia. Keahlian adalah wajib di bawah Akta PIDM. Senarai penuh ahli penginsurans boleh didapati di laman web PIDM.

**Bank ahli**

Semua bank perdagangan (termasuk subsidiari bank-bank asing yang diperbadankan dan beroperasi di Malaysia) yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, dan semua bank Islam yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Keahlian adalah wajib di bawah Akta PIDM. Senarai penuh bank ahli boleh didapati di laman web PIDM.

**Intervensi dan resolusi kegagalan**

Intervensi merujuk kepada tindakan yang diambil oleh PIDM ke atas sesebuah institusi ahli bagi menangani keprihatinan tertentu terhadap institusi ahli. Tindakan ini biasanya diambil sebelum sebarang resolusi kegagalan diambil ke atas institusi ahli tersebut. Resolusi kegagalan merujuk kepada tindakan bagi menangani sesebuah institusi ahli yang gagal yang telah diisytiharkan oleh Bank Negara Malaysia sebagai tidak berdaya maju.

**Jaringan keselamatan kewangan**

Lazimnya merangkumi fungsi insurans deposit pemantauan dan pengawalseliaan berhemat, dan pemberi pinjaman usaha akhir.

**Jumlah Deposit Diinsuranskan**

Jumlah deposit yang dilindungi oleh PIDM dalam institusi ahli.

**Kumpulan Dana Perlindungan**

Merujuk kepada Dana Insurans Deposit Konvensional, Dana Insurans Deposit Islam, Dana Perlindungan Insurans Am, Dana Perlindungan Insurans Hayat, Dana Perlindungan Takaful Am dan Dana Perlindungan Takaful Keluarga.

**Kumpulan Dana Perlindungan Islam**

Merujuk kepada Dana Insurans Deposit Islam, Dana Perlindungan Takaful Am dan Dana Perlindungan Takaful Keluarga.

**Manfaat insurans**

Jumlah yang dibayar dibawah liputan polisi yang ditanggung oleh sesebuah syarikat insurans atas mana-mana individu dalam urusan biasa perniagaan insurans bagi syarikat insurans tersebut.

**Manfaat takaful**

Agregat manfaat takaful yang ditanggung oleh sesebuah pengendali takaful atas mana-mana individu dalam urusan biasa perniagaan takaful bagi pengendali takaful tersebut.

**Pembayaran Balik**

Proses yang dilaksanakan oleh PIDM untuk membayar balik deposit yang diinsuranskan kepada pendeposit yang layak, atau manfaat yang dilindungi kepada benefisiari takaful atau individu yang diinsuranskan yang layak bagi institusi ahli yang tidak berdaya maju menurut seksyen 56 dan 57, serta seksyen 80 dan 81 Akta PIDM.

**Sistem Insurans Deposit**

Sistem yang dibangunkan oleh PIDM untuk melindungi pendeposit terhadap kehilangan deposit yang diinsuranskan yang ditempatkan dengan bank ahli dan bagi menyelesaikan bank ahli, sekiranya berlaku kegagalan bank ahli.

**Sistem Levi Berbeza**

Sistem yang mengenakan levi kepada ahli penginsurans pada kadar yang berbeza, berdasarkan profil risiko masing-masing.

**Sistem Pengurusan Pembayaran**

Sistem dalaman PIDM yang digunakan untuk memproses pembayaran kepada pemilik sijil takaful dan polisi insurans sekiranya berlaku pembayaran balik.

**Sistem Pengurusan Sokongan Pemilik Polisi**

Sistem dalaman PIDM yang digunakan untuk mengekalkan butiran terperinci pemilik sijil takaful dan polisi insurans sekiranya berlaku pembayaran balik.

**Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans**

Sistem yang dibangunkan oleh PIDM untuk melindungi pemilik sijil takaful dan polisi insurans terhadap kehilangan manfaat takaful atau insurans yang layak dan bagi menyelesaikan ahli penginsurans, sekiranya berlaku kegagalan ahli penginsurans.

**Sistem Premium Berbeza**

Sistem yang mengenakan premium kepada bank ahli pada kadar yang berbeza, berdasarkan profil risiko masing-masing.





NOTA

---



**PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA**

Aras 12, Menara Axiata, No. 9, Jalan Stesen Sentral 5,  
Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur.  
Tel: 603 2173 7436/2265 6565 Faks: 603 2173 7527/2260 7432  
Talian Bebas Tol: 1-800-88-1266 Emel: [info@pidm.gov.my](mailto:info@pidm.gov.my)  
[www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)